



**SIARAN MEDIA
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK (MAIPK)**

**PANDUAN AKTIVITI
DI MASJID DAN SURAU DI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, setelah dipersembahkan dan berpuas hati dengan keupayaan jawatankuasa dan pegawai masjid mematuhi dan melaksanakan garis panduan operasi (SOP) yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan (MKN) Negeri Perak, serta berlandaskan sembah nasihat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak, dengan ini menzahirkan titah perkenan berikut:

1. Membolehkan semua masjid dan surau menerima bilangan jemaah solat Jumaat, solat fardu dan solat jenazah, mengikut keluasan dewan solat utama dengan mematuhi jarak fizikal yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara.
2. Membolehkan semua surau, termasuk surau dalam kem tentera dan polis, bangunan pejabat, institusi, universiti, politeknik, maktab, sekolah, syarikat dan kilang, mendirikan solat Jumaat agar seramai mungkin jemaah berpeluang menunaikan solat Jumaat,.
3. Kuliah ilmu dibenarkan diadakan di masjid dan surau
 - (i) Dalam ruang waktu antara selesai Solat Maghrib sementara menantikan masuknya waktu Solat Isyak. Aktiviti dihentikan sebaik masuk waktu Solat Isyak.
 - (ii) Tidak melebihi 30 minit, kepada jemaah yang berada dalam masjid dan surau sementara menanti azan solat Jumaat.
 - (iii) Tidak lebih 30 minit selepas selesai menunaikan Solat Subuh.
4. Jemaah yang dibenarkan berjemaah di masjid dan surau;
 - (i) Solat Jumaat: **jemaah lelaki sahaja, warganegara dan penduduk tetap Malaysia, berusia 12 tahun ke atas.**
 - (ii) Solat fardu: **jemaah lelaki dan wanita, warganegara dan penduduk tetap Malaysia berusia 12 tahun ke atas.**

5. Kumpulan berisiko tinggi (terutama kalangan yang menghidap penyakit-penyakit tertentu dan sedang melalui rawatan perubatan), dinasihatkan **TIDAK MENGHADIRI** aktiviti berkumpulan di masjid dan surau sebagai langkah penghindaran demi mengelakkan berlakunya komplikasi kesihatan.
6. Tidak dibenarkan diadakan jamuan dalam masjid dan surau, merangkumi perkarangan masjid dan surau.
7. **TIDAK DIBENARKAN** sebarang aktiviti, termasuk mendirikan Solat Jumaat dan solat fardu di masjid dan surau yang terletak dalam kawasan yang diisytiharkan berada dalam kategori **PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**.

Jabatan Agama Islam Perak bertanggungjawab mengeluarkan garis panduan lengkap kepada semua jawatankuasa serta pegawai masjid dan surau, di samping bertanggungjawab memantau pematuhan garis panduan; memastikan jarak fizikal antara jemaah sentiasa dipatuhi, terutama aliran jemaah masuk dan keluar bangunan masjid dan surau. Untuk memastikan jarak fizikal diamalkan dan untuk mengelak kesesakan yang diperhatikan sering berlaku ketika jemaah mencari kasut selepas selesai menunaikan solat, para jemaah dinasihatkan membawa beg menyimpan kasut yang membolehkan jemaah membawa kasut ke dalam masjid dan surau.

Ketetapan ini terpakai dan berkuat kuasa mulai Solat Maghrib, Khamis, 6 Rejab 1442/18 Februari 2021 sehingga dikeluarkan apa-apa ketetapan baharu.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan memahami hasrat umat Islam mahu mengimarahkan rumah-rumah ALLAH dan beribadah secara berjemaah. Perkenan Baginda untuk menambah atau mengurangkan bilangan jemaah tertakluk kepada status semasa penularan wabak Covid-19 di negeri Perak Darul Ridzuan. Dalam memenuhi hasrat tersebut, Baginda perlu mengutamakan faktor keselamatan kesihatan para jemaah serta menimbangkan tugas berat yang sedang dihadapi oleh para petugas Kementerian Kesihatan menangani wabak Covid-19 ketika ini.

Dikeluarkan dengan menjunjung titah perkenan
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan



Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini
Yang Dipertua
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak

4 Rejab 1442 / 16 Februari 2021.